

KESAN PENGGUNAAN SISTEM GANJARAN TERHADAP KAWALAN TINGKAH LAKU DAN MINAT MURID SAINS TAHUN TIGA DI KUCHING

Teo Yi Ying
IPG Kampus Batu Lintang, Kuching Sarawak
wendyyes26@yahoo.com.my
En. Yahya Bin Sedik
Jabatan Sains IPG Kampus Batu Lintang, Kuching Sarawak

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan bertujuan untuk menilai kesan penggunaan sistem ganjaran terhadap kawalan tingkah laku dan minat ke atas tiga orang murid Sains Tahun Tiga di Kuching. Peserta kajian terdiri daripada tiga orang murid dari kelas Tahun Tiga di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Kuching. Mereka adalah murid yang mempunyai tingkah laku bermasalah dan kurang berminat semasa pembelajaran Sains. Data-data dikumpulkan melalui pemerhatian, temu bual, soal selidik dan nota lapangan. Semua data yang dikumpulkan dianalisis melalui kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif. Penyemakan data dilakukan dengan menggunakan triangulasi kaedah dan masa untuk meningkatkan kesahan hasil dapatan kajian ini. Hasil analisis data yang diperolehi mendapati bahawa ketiga-tiga orang peserta kajian telah menunjukkan perubahan tingkah laku ke arah yang positif dan peningkatan minat dalam pembelajaran Sains. Dapatan kajian menunjukkan sistem ganjaran dapat mengubah tingkah laku ke arah yang positif dan meningkatkan minat murid Sains Tahun Tiga. Penyelidikan tindakan ini memberi peluang kepada saya untuk menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan sistem ganjaran. Pada kitaran seterusnya, saya ingin menggunakan sistem ganjaran ini di dalam tahun dan kelas yang berlainan serta mengaplikasikan dalam mata pelajaran yang lain.

Kata kunci: Sistem ganjaran, kawalan tingkah laku, minat

ABSTRACT

This research was conducted to evaluate the effect of using reward system to behavior control and interest on three Year Three students in Kuching. The participants of this research consisted of three Year Three students from a primary school in Kuching. They are students who had behavior problem and lack of interest in learning Science. The data were collected through observation, interviews, questionnaires and field notes. All data were analyzed through content analysis and descriptive analysis. Data are checked by using triangulation method and time to increase the validity of the findings of this research. The analysis of data obtained revealed that all three of the participants had showed changes behavior in positive direction and increase interest in learning Science. The findings showed that reward system can change behavior in positive direction and increase interested on Science Year Three students. This action research gave me the opportunity to improve teaching and learning through of using reward system. In the next cycle, I want to use reward system in the different year, class and apply in other subjects.

Keywords: Reward system, behavior control, interest

Pengenalan

Saya merupakan seorang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan kepujian dalam bidang Sains Pendidikan Rendah untukambilan Jun 2013 di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Dalam praktikum fasa ketiga, saya telah menjalani praktikum di salah sebuah sekolah kebangsaan di Kuching. Sekolah ini merupakan gabungan antara sekolah jenis kebangsaan cina dan sekolah kebangsaan. Saya telah diminta untuk mengajar Dunia Sains Dan Teknologi bagi aliran cina Tahun Tiga. Pada 2 Ogos 2016, merupakan kali pertama saya

menjalankan satu sesi pengajaran dan pembelajaran yang bertajuk “Penyerapan” bagi murid-murid kelas Tahun Tiga. Dalam sesi PdP ini, saya telah menggunakan aktiviti ‘Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air’ di dalam kelas tersebut. Namun, renungan kembali terhadap amalan pengajaran saya mendapati penggunaan aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air” adalah tidak dapat menangani tingkah laku bermasalah dan minat secara berkesan. Saya telah mendapati bahawa terdapat tiga orang murid di dalam kelas tersebut telah menunjukkan tingkah laku bermasalah dan tidak berminat terhadap aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air”. Menurut Mok (2010), penggunaan strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dapat menarik minat, mengekalkan perhatian, menerapkan sesuatu konsep secara berkesan dan merangsang mereka untuk belajar. Dengan ini, saya telah bertindak untuk memperbaiki kelemahan supaya dapat merapatkan jurang iaitu murid dapat menunjukkan tingkah laku yang positif dan meningkatkan minat murid semasa PdP dijalankan. Oleh itu, saya telah bertindak menggunakan sistem ganjaran dalam menangani tingkah laku bermasalah dan minat murid-murid dalam pembelajaran Sains. Teori pelaziman operan Skinner yang menggunakan peneguhan positif iaitu memberikan sesuatu ganjaran setelah perlakuan itu ditunjukkan, yang menyebabkan perlakuan itu diulangi atau diperkuatkan lagi. (Skinner, 1958).

Fokus Kajian

Pada 2 Ogos 2016, saya telah menjalankan aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air” di kelas Tahun Tiga. Namun, aktiviti ini juga tidak berjaya menarik perhatian semua murid Tahun Tiga. Isu pertama saya menjurus kepada masalah tingkah laku murid-murid. Perkara ini telah mempengaruhi sesi PdP saya kerana saya terpaksa menghentikan pengajaran saya untuk menegur dan memberi amaran kepada murid-murid yang telah menunjukkan masalah tingkah laku di dalam kelas. Isu fokus kajian yang kedua pula adalah terdapat tiga orang murid kurang berminat untuk belajar Sains. Dalam menjalankan kajian ini, saya telah menggunakan empat instrumen khusus untuk mengumpul data awal iaitu pemerhatian, temu bual, soal selidik dan nota lapangan. Berikut merupakan gambar-gambar foto yang telah diambil oleh saya semasa sesi PdP dijalankan di dalam kelas Tahun Tiga:



Rajah 1. Murid A sedang bermain pembaris.

Rajah 1 menunjukkan murid A mengamalkan tingkah laku bermasalah seperti bermain pembaris dan hilang fokus semasa aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air” sedang dijalankan.



Rajah 2. Murid B sedang bercakap dengan rakannya.

Rajah 2 menunjukkan murid B telah menunjukkan tingkah laku yang bermasalah seperti bercakap dengan rakannya sehingga mengabaikan aktiviti yang perlu dijalankan iaitu “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air”. Dia tidak memberikan tumpuan semasa aktiviti ini dijalankan.



Rajah 3. Murid C menunduk kepala semasa aktiviti dijalankan.

Rajah 3 menunjukkan murid C mengamalkan tingkah laku yang tidak diinginkan iaitu menunduk kepala di atas mejanya sehingga menunjukkan mimik muka yang bosan semasa menjalankan aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air”. Dia tidak memberi perhatian semasa menjalankan aktiviti ini. Menurut Slameto (2003), minat adalah kecenderungan yang tetap untuk memperhatikan dan mengenang beberapa kegiatan yang diminati seseorang, diperhatikan terus-menerus yang disertai dengan rasa senang. Di samping itu, saya telah menjalankan temu bual terhadap tiga orang murid yang telah menunjukkan tingkah laku yang bermasalah dan tidak berminat dalam belajar Sains.

Saya	: Adakah anda mendengar arahan yang ditetapkan oleh guru?	
Murid A	: Tidak	(TBMA 08082016)
Saya	: Adakah anda mendengar arahan yang ditetapkan oleh guru?	
Murid B	: Tidak	(TBMB 08082016)
Saya	: Adakah anda mendengar arahan yang ditetapkan oleh guru?	
Murid C	: Tidak	(TBMC 08082016)

Rajah 4. Transkrip temu bual dengan murid A, B dan C pada 8 Ogos 2016 (Tema Tingkah Laku)

Rajah 4 telah menunjukkan tiga orang murid yang tidak mendengar arahan yang telah ditetapkan oleh guru. Ini dapat dibuktikan melalui gambar yang telah diambil iaitu mereka yang mengingkari arahan yang diberikan oleh saya.

Saya	: Mengapakah anda menunjukkan tingkah laku itu semasa aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air” dijalankan?	
Murid A	: Kerana aktiviti ini tidak seronok.	(TBMA 08082016)
Saya	: Mengapakah anda menunjukkan tingkah laku itu semasa aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air” dijalankan?	
Murid B	: Kerana rasa bosan	(TBMB 08082016)
Saya	: Mengapakah anda menunjukkan tingkah laku itu semasa aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air” dijalankan?	
Murid C	: Kerana saya berasa mengantuk	(TBMC 08082016)

Rajah 5. Transkrip temu bual dengan murid A, B dan C pada 8 Ogos 2016 (Tema Minat)

Berdasarkan Rajah 5, mereka tidak suka belajar kerana aktiviti tidak seronok, rasa bosan dan mengantuk semasa aktiviti PdP dijalankan. Bagi isu fokus kajian yang pertama, Jadual 1 yang menunjukkan dapatan soal selidik tentang tingkah laku sebelum kajian tindakan dengan mengira bilangan murid yang memilih jawapan “Ya” atau “Tidak” berdasarkan soalan-soalan yang terdapat dalam borang soal selidik.

Jadual 1

Dapatan soal selidik sebelum kajian tindakan (Tema Tingkah Laku)

Item	Perkara	Ya	Tidak
1	Saya berminat untuk belajar Sains.	0 (0%)	3 (100%)
2	Saya berasa seronok semasa menjalankan aktiviti Sains.	0 (0%)	3 (100%)
3	Saya memberi perhatian semasa aktiviti PdP Sains dijalankan.	0 (0%)	3 (100%)
4	Saya mematuhi arahan guru Sains.	0 (0%)	3 (100%)
5	Saya selalu mengamalkan tingkah laku bermasalah semasa PdP Sains.	3 (100%)	0 (0%)

Bagi isu fokus kajian yang kedua, Jadual 2 yang menunjukkan dapatan soal selidik tentang minat sebelum kajian tindakan. Dapatan yang ditunjukkan di bawah ini telah membuktikan bahawa tiga orang murid tersebut adalah langsung tidak menunjukkan minat terhadap aktiviti Sains. Menurut Omardin (1999), minat yang timbul dalam setiap diri murid akan mempengaruhi proses pembelajaran.

Jadual 2

Dapatan soal selidik sebelum kajian tindakan (Tema Minat)

Item	Perkara	Ya	Tidak
1	Saya berminat untuk belajar Sains.	0 (0%)	3 (100%)
2	Saya berasa seronok semasa menjalankan aktiviti Sains.	0 (0%)	3 (100%)
3	Saya memberi perhatian semasa aktiviti PdP Sains dijalankan.	0 (0%)	3 (100%)
4	Saya mematuhi arahan guru Sains.	0 (0%)	3 (100%)
5	Saya selalu mengamalkan tingkah laku bermasalah semasa PdP Sains.	3 (100%)	0 (0%)

Saya juga telah menggunakan kaedah nota lapangan untuk mengumpul data yang berkaitan dengan tingkah laku bermasalah yang ditunjukkan oleh tiga orang murid tersebut.

Tarikh : 2-8-2016
 Masa : 3.50pm – 4.50pm
 Kelas : Tahun Tiga
 Nama Pemerhati : Teo Yi Ying

Pada 2 Ogos 2016, saya telah menjalankan satu sesi pengajaran dan pembelajaran yang bertajuk “Penyerapan” bagi murid-murid kelas Tahun Tiga tersebut. Melalui sesi PdP ini, saya mendapati terdapat tiga orang murid yang telah menunjukkan tingkah laku bermasalah semasa menjalankan aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air”. Melalui nota lapangan ini, saya mendapati murid A selalu **bermain pembaris** semasa aktiviti ini sedang dijalankan. Apabila saya menegurnya, murid tersebut telah menunjukkan **muka yang masam** kepada saya. Murid B pula selalu suka **bercakap** dengan rakannya sambil menunjukkan perasaan yang gembira sehingga mengabaikan aktiviti ini. Murid C pula **menunduk kepala dan berkhayal sehingga tidak mendengar panggilan daripada saya**. Oleh itu, saya telah bertindak memberi amaran terhadap tingkah laku bermasalah yang ditunjukkan oleh mereka. Malangnya, mereka masih **enggan mendengar arahan saya** dan tetap menunjukkan tingkah laku yang bermasalah semasa menjalankan aktiviti ini.

Di samping itu, mereka bertiga juga **membantah pembentangan hasil aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air”** di hadapan kelas yang diarahkan oleh saya. Tambahan pula, mereka bertiga juga menunjukkan **muka marah** kepada saya.

Selain daripada itu, murid A juga didapati **tidak membawa buku latihan Sains**. Murid B pula **menjelingkan mata** semasa saya memberi kerja sekolah di dalam kelas tersebut. Murid C pula **memarah rakannya dengan menggunakan perkataan yang kesat** apabila rakannya meminta dia membuat peta minda di dalam kelas.

Petunjuk :



Tingkah laku bermasalah

Rajah 6. Analisis kandungan nota lapangan yang berkaitan dengan tingkah laku bermasalah sebelum penggunaan sistem ganjaran

Sebagai seorang bakal guru, saya menyedari betapa pentingnya mengawal tingkah laku bermasalah dan minat murid-murid dalam pembelajaran Sains. Masalah ini tidak boleh diabaikan kerana akan mengganggu pembelajaran murid-murid yang lain. Oleh itu, saya menggunakan sistem ganjaran untuk menangani tingkah laku bermasalah dan minat murid-murid terhadap Sains.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan sistem ganjaran dalam:

1. Meningkatkan kawalan tingkah laku tiga orang murid Sains Tahun Tiga.
2. Membantu meningkatkan minat tiga orang murid Tahun Tiga terhadap Sains.

Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, persoalan-persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Sejauh manakah penggunaan sistem ganjaran dapat meningkatkan kawalan tingkah laku tiga orang murid Sains Tahun Tiga?
2. Sejauh manakah penggunaan sistem ganjaran dapat membantu meningkatkan minat tiga orang murid Tahun Tiga terhadap Sains?

Peserta Kajian

Kajian tindakan ini melibatkan tiga orang lelaki murid kaum cina dari kelas Tahun Tiga yang menunjukkan tingkah laku bermasalah dan tidak berminat dalam pembelajaran Sains. Selari dengan definisi penyelidikan tindakan, saya turut merupakan peserta kajian.

Tindakan Yang Dijalankan

Langkah-langkah Tindakan

Penyelidikan tindakan ini dijalankan ke atas tiga orang peserta kajian yang telah menunjukkan tingkah laku bermasalah dan tidak berminat semasa PdP sedang dijalankan. Menurut Azman Adnan (2005), ganjaran bertujuan untuk meningkatkan semangat dan produktiviti. Oleh sedemikian, sistem ganjaran dapat membantu mengubah tingkah laku yang bermasalah ke arah yang positif dan meningkatkan minat murid untuk belajar Sains.

Pelaksanaan tindakan dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas tindakan. Sebelum penyelidikan tindakan, saya telah menentukan kaedah yang sesuai untuk meningkatkan kawalan tingkah laku dan minat tiga orang peserta kajian Tahun Tiga. Semasa penyelidikan tindakan, saya telah menjelaskan kaedah, tujuan dan tempoh masa kajian tindakan ini kepada murid-murid Tahun Tiga tersebut. Pertama sekali, saya memperkenalkan papan ganjaran kepada murid-murid terutama tiga orang peserta kajian. Seterusnya, saya telah membahagikan tiga orang peserta kajian dan murid lain kepada empat kumpulan yang terdiri daripada empat orang ahli kumpulan masing-masing. Saya telah menamakan empat kumpulan masing-masing kepada Pokemon Go, Hello Kitty, Doremon dan Mickey Mouse. Seterusnya, saya telah menyatakan cara-cara untuk mendapatkan "bintang". Antara cara-cara untuk memperoleh bintang dilihat dari aspek tingkah laku dan minat murid-murid dalam pembelajaran Sains. Pada setiap minggu, saya mengumunkan kumpulan mana yang mendapat paling banyak bintang. Maka, kumpulan tersebut berhak menerima hadiah kecil. Selepas penyelidikan tindakan, saya telah mengumpul data untuk menilai kesan penggunaan sistem ganjaran terhadap kawalan tingkah laku dan minat tiga orang peserta kajian terhadap Sains.

Kaedah Mengumpul Data

Jadual 3 menunjukkan kaedah mengumpul data yang digunakan berdasarkan persoalan-persoalan kajian tindakan.

Jadual 3

Kaedah mengumpul data

Persoalan Kajian	Instrumen pengumpulan data
1 Se jauh manakah penggunaan sistem ganjaran dapat meningkatkan kawalan tingkah laku tiga orang murid Sains Tahun Tiga?	<ul style="list-style-type: none">• Pemerhatian (gambar)• Temu bual dengan murid (Lampiran B)• Soal selidik (Lampiran A)• Nota lapangan (Lampiran C)
2 Se jauh manakah penggunaan sistem ganjaran dapat membantu meningkatkan minat murid Tahun Tiga terhadap Sains?	<ul style="list-style-type: none">• Pemerhatian (gambar)• Temu bual dengan murid (Lampiran B)• Soal selidik (Lampiran A)

Kaedah Menganalisis Data

Menurut Shamsina Shamsuddin (2011), analisis data kualitatif merupakan satu proses menyusun, menstruktur dan memberi makna kepada himpunan data yang dikumpul. Jadual 4 menunjukkan cara menganalisis data untuk menjawab soalan kajian yang pertama dan kedua.

Jadual 4

Cara menganalisis data

Soalan kajian	Cara mengumpul data	Cara menganalisis data
1 Se jauh manakah penggunaan sistem ganjaran dapat meningkatkan kawalan tingkah laku tiga orang murid Sains Tahun Tiga?	<ul style="list-style-type: none">• Pemerhatian (Gambar)• Temu bual dengan murid• Nota lapangan• Soal selidik	<ul style="list-style-type: none">• Analisis kandungan (Analisis kualitatif)• Analisis deskriptif statistik (Analisis kuantitatif)
2 Se jauh manakah penggunaan sistem ganjaran dapat membantu meningkatkan minat murid Tahun Tiga terhadap Sains?	<ul style="list-style-type: none">• Pemerhatian (Gambar)• Temu bual dengan murid• Soal selidik	<ul style="list-style-type: none">• Analisis kandungan (Analisis kualitatif)• Analisis deskriptif statistik (Analisis kuantitatif)

Berdasarkan Jadual 4 di atas, saya telah menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual, nota lapangan dan soal selidik untuk mengumpul data bagi soalan kajian yang pertama. Manakala, bagi soalan kajian yang kedua, saya telah menggunakan tiga kaedah iaitu pemerhatian, temu bual dan soal selidik. Kesemua kaedah ini telah dianalisis melalui analisis kandungan kecuali kaedah soal selidik sahaja yang dianalisis melalui analisis deskriptif statistik.

Teknik Menyemak Data

Triangulasi Kaedah

Menurut Mok (2010), triangulasi kaedah merupakan strategi atau teknik yang memberi sokongan untuk hasil dapatan kajian melalui data yang diperolehi antara kaedah-kaedah lain. Triangulasi kaedah melibatkan pengesahan terhadap data yang telah saya kumpul melalui pemerhatian, soal selidik dan temu bual. Saya telah membandingkan sumber data yang dikumpulkan sebelum dan selepas penggunaan sistem ganjaran. Dengan ini, saya dapat menyemak kredibiliti data yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian (gambar), temu bual, soal selidik dan nota lapangan.

Triangulasi Masa

Triangulasi masa merupakan proses pengumpulan data ke atas sesuatu sumber yang dilakukan dalam suatu tempoh masa yang panjang. Triangulasi masa dijalankan untuk membandingkan hasil dapatan tinjauan awal dan akhir murid. Dengan ini, saya telah membandingkan perubahan tingkah laku dan minat murid sebelum dan selepas penggunaan sistem ganjaran terhadap kawalan tingkah laku dan minat murid semasa menjalankan sesi PdP Sains.

Dapatan Kajian

- **Sejauh manakah penggunaan sistem ganjaran dapat meningkatkan kawalan tingkah laku tiga orang murid Sains Tahun Tiga?**

Analisis Data Pemerhatian – Gambar

Saya telah mengambil gambar-gambar foto untuk mengkaji sama ada penggunaan sistem ganjaran dalam meningkatkan kawalan tingkah laku terhadap tiga orang peserta kajian. Berikut merupakan gambar-gambar foto yang diambil oleh saya.



Rajah 7. Murid A dan B tidak mengamalkan tingkah laku bermasalah semasa menjalankan aktiviti PdP.

Berdasarkan Rajah 7, saya mendapati murid A telah tidak bermain pembaris semasa menjalankan aktiviti ini. Manakala, bagi murid B pula telah tidak berbual dengan rakan sebelahnya. Mereka berdua telah mematuhi arahan yang diberikan oleh saya semasa menjalankan aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air”.



Rajah 8. Murid C tidak menunduk kepala di atas mejanya.

Berdasarkan Rajah 8, saya mendapati murid C tidak menunduk kepala lagi, malah dia bersama dengan ahli kumpulan menjalankan aktiviti ini. Dia telah mematuhi arahan yang diberikan oleh saya sebelum menjalankan aktiviti ini. Melalui dapatan kajian ini, telah membuktikan bahawa penggunaan sistem ganjaran memang berkesan dalam meningkatkan kawalan tingkah laku tiga orang peserta kajian.

Analisis Data Temu Bual

Saya	: Adakah anda mendengar arahan yang ditetapkan oleh guru?	
Murid A	: Ya	(TBMA 13092016)
Saya	: Adakah anda mendengar arahan yang ditetapkan oleh guru?	
Murid B	: Ya	(TBMB 13092016)
Saya	: Adakah anda mendengar arahan yang ditetapkan oleh guru?	
Murid C	: Ya	(TBMC 13092016)

Rajah 9. Transkrip temu bual dengan murid A, B dan C selepas pelaksanaan sistem ganjaran pada 13 September 2016 (Tema Tingkah Laku).

Analisis Data Soal Selidik

Jadual 5

Dapatan soal selidik selepas penggunaan sistem ganjaran (Tema Tingkah Laku)

Item	Perkara	Ya	Tidak
4	Saya mematuhi arahan guru Sains.	3 (100%)	0 (0%)
5	Saya selalu mengamalkan tingkah laku bermasalah semasa PdP Sains.	0 (0%)	3 (100%)

Analisis Nota Lapangan

Tarikh : 13-9-2016

Masa : 3.50pm – 4.50pm

Kelas : Tahun Tiga

Nama Pemerhati : Teo Yi Ying

Pada 13 September 2016, saya telah menjalankan aktiviti PdP di dalam kelas Tahun Tiga tersebut. Daripada pemerhatian saya, tiga orang peserta kajian telah **mendengar arahan** saya **dan mematuhi peraturan aktiviti**. Murid A sudah **memberi perhatian** semasa menjalankan aktiviti kumpulan, murid B pula **menjalankan aktiviti ini dengan gembira** semasa sesi PdP. Manakala, murid C dilihat **bersemangat** dalam menjalankan aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air” semasa aktiviti PdP sedang dijalankan.

Tambahan pula, ketiga-tiga peserta kajian juga **sukarela menampil ke hadapan untuk membentangkan hasil perbincangan**. Di samping itu, murid A telah **membawa buku latihan Sains**. Murid B juga menunjukkan **muka ceria semasa saya memberi latihan**. Manakala, murid C telah **tidak menggunakan perkataan yang kesat semasa bercakap** dengan rakan sekelasnya.

Petunjuk :



Berkelakuan Baik

Rajah 10. Analisis catatan nota lapangan semasa penggunaan sistem ganjaran terhadap tingkah laku murid A, B dan C.

- **Sejauh manakah penggunaan sistem ganjaran dapat membantu meningkatkan minat tiga orang murid Tahun Tiga terhadap Sains?**

Analisis Data Pemerhatian – Gambar

Berikut merupakan gambar-gambar yang telah diambil oleh saya untuk mengkaji penggunaan sistem ganjaran dalam membantu meningkatkan minat tiga orang peserta kajian.



Rajah 11. Murid A dan B memberi tumpuan dengan sepenuhnya semasa menjalankan aktiviti “Uji Objek Yang Serap dan Kalis Air”

Berdasarkan Rajah 11 di atas, saya mendapati murid A dan murid B telah memberi tumpuan dengan sepenuhnya supaya dapat menjayakan aktiviti tersebut semasa penggunaan sistem ganjaran dilaksanakan. Hal ini telah membuktikan terdapat peningkatan minat dalam menjalankan aktiviti tersebut semasa menggunakan sistem ganjaran



Rajah 12. Murid C bersemangat dan senyum dengan gembira semasa menjalankan aktiviti kumpulan.

Berdasarkan Rajah 12, murid C bersemangat dalam menjalankan aktiviti kumpulan berbanding dengan sebelumnya dia cuma menunduk kepala dan termenung. Di samping itu, murid tersebut juga menunjukkan perasaan yang gembira semasa menjalankan aktiviti ini. Perkara ini dapat ditunjukkan apabila dia menanya dengan riang: “Adakah kita teruskan menjalankan aktiviti ini? Dengan ini, jelas membuktikan penggunaan sistem ganjaran telah berjaya meningkatkan minat murid dalam pembelajaran Sains.

Analisis Data Temu Bual

Saya : Mengapakah anda menunjukkan tingkah laku itu semasa aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air” dijalankan?

Murid A : Kerana seronok boleh menjadi kumpulan yang terbaik.

(TBMA 13092016)

Saya : Mengapakah anda menunjukkan tingkah laku itu semasa aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air” dijalankan?

Murid B: Kerana gembira apabila mendapat pujian daripada guru.

(TBMB 13092016)

Saya : Mengapakah anda menunjukkan tingkah laku itu semasa aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air” dijalankan?

Murid C : Kerana gembira boleh mendapat hadiah.

(TBMC 13092016)

Rajah 13. Transkrip temu bual dengan murid A, B dan C selepas pelaksanaan sistem ganjaran pada 13 September 2016 (Tema Minat)

Berdasarkan Rajah 13, didapati maklum balas yang diberikan oleh murid A, B dan C adalah bersifat positif. Dengan ini, penggunaan sistem ganjaran boleh digunakan dalam PdP Sains untuk memupuk minat murid terhadap Sains.

Analisis Data Soal Selidik

Berikut merupakan perbandingan kekerapan item bagi minat sebelum dan selepas penggunaan sistem ganjaran terhadap Sains.

Jadual 6

Perbandingan kekerapan bagi item soal selidik (Tema Minat)

Item	Perkara	Sebelum		Selepas	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Saya berminat untuk belajar Sains.	0 (0%)	3 (100%)	3 (100%)	0 (0%)
2.	Saya berasa seronok semasa menjalankan aktiviti Sains.	0 (0%)	3 (100%)	3 (100%)	0 (0%)
3.	Saya memberi perhatian semasa aktiviti PdP Sains dijalankan.	0 (100%)	3 (100%)	3 (100%)	0 (0%)

Refleksi

Refleksi Dapatan

- **Sejauh manakah penggunaan sistem ganjaran dapat meningkatkan kawalan tingkah laku tiga orang murid Sains Tahun Tiga?**

Melalui pemerhatian (gambar) yang dijalankan, saya mendapati ketiga-tiga peserta kajian telah menunjukkan perubahan tingkah laku ke arah yang positif semasa penggunaan sistem ganjaran. Tingkah laku ketiga-tiga peserta kajian telah menjadi positif jika berbanding dengan sebelum penggunaan sistem ganjaran yang ditunjukkan dalam Rajah 1,2 dan 3. Semasa pelaksanaan sistem ganjaran, ketiga-tiga peserta kajian telah mematuhi arahan yang diberikan oleh saya semasa menjalankan aktiviti PdP. Ini dapat dibuktikan melalui analisis data temu bual (Rajah 9), soal selidik (Jadual 5) dan catatan nota lapangan (Rajah 10). Dengan ini, penggunaan sistem ganjaran telah berjaya meningkatkan kawalan tingkah laku tiga orang peserta kajian ini.

- **Sejauh manakah penggunaan sistem ganjaran dapat membantu meningkatkan minat tiga orang murid Tahun Tiga terhadap Sains?**

Saya telah menjalankan pemerhatian melalui gambar-gambar sebagai bukti sokongan kepada peningkatan minat peserta kajian dalam belajar Sains. Sebelum penggunaan sistem ganjaran, ketiga-tiga peserta kajian masing-masing tidak berminat dalam menjalankan aktiviti "Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air". Ini dapat dibuktikan melalui gambar-gambar foto (Rajah 1,2 dan 3). Misalnya, murid A memberi sepenuh perhatian dalam bermain pembaris sehingga mengabaikan aktiviti ini. Bagi murid B pula, dia menunjukkan muka yang gembira apabila bercakap dengan rakan sebelahnya sehingga melupakan aktiviti yang perlu dijalankan di dalam kelas. Manakala, murid C pula tidak bersemangat dan rasa bosan dalam menjalankan aktiviti ini lalu menunduk kepala di atas mejanya. Semasa pelaksanaan sistem ganjaran, murid A dan B memberi tumpuan dengan sepenuhnya semasa menjalankan aktiviti ini (Rajah 11). Murid C bersemangat

dalam menjalankan aktiviti kumpulan berbanding dengan sebelumnya dia cuma menunduk kepala dan termenung (Rajah 12). Selain daripada menggunakan kaedah pemerhatian, saya juga menggunakan kaedah temu bual untuk menganalisis minat peserta kajian dalam belajar Sains. Merujuk Rajah 13, hasil daripada analisis dapatan data temu bual telah menunjukkan peserta kajian berminat untuk belajar Sains selepas penggunaan sistem ganjaran. Ini juga dapat disokong oleh perbandingan antara data soal selidik sebelum dan selepas penggunaan sistem ganjaran (Jadual 6).

Refleksi Penilaian Tindakan

Penggunaan sistem ganjaran menunjukkan kesan yang positif dalam menambah baik amalan PdP sendiri dan membantu peserta kajian meningkatkan kawalan tingkah laku di samping meningkatkan minat peserta kajian dalam pembelajaran Sains.

Kebaikan dalam penggunaan sistem ganjaran adalah membantu meningkatkan kawalan tingkah laku terhadap tiga orang peserta kajian semasa aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air” dijalankan. Penggunaan sistem ganjaran membantu mengurangkan tingkah laku yang bermasalah dan mengukuhkan tingkah laku yang positif semasa PdP Sains. Ini dapat dibuktikan melalui gambar-gambar foto yang telah diambil oleh saya, ketiga-tiga peserta kajian sudah tidak menunjukkan tingkah laku yang bermasalah seperti bermain pembaris, bercakap dengan rakannya dengan seronok dan menunduk kepala di atas mejanya. Selain itu, sistem ganjaran dapat memupuk minat peserta kajian untuk belajar Sains. Melalui gambar-gambar foto yang diambil, murid A dan murid B telah memberi tumpuan dengan sepenuhnya berbanding dengan sebelumnya mereka berdua tidak memberi fokus. Manakala, murid C menunjukkan semangat dalam menjalankan aktiviti “Uji Objek Yang Serap Dan Kalis Air” semasa penggunaan sistem ganjaran.

Manakala, kelemahan dalam penggunaan sistem ganjaran adalah melibatkan kos untuk membeli hadiah. Misalnya, setiap minggu, saya memberi hadiah seperti pembaris, pemadam atau pensel kepada kumpulan yang mendapat bintang yang paling banyak. Justeru itu, kelemahan ini perlu dibaiki bagi meningkatkan keberkesanan penggunaan sistem ganjaran.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Sepanjang pelaksanaan penyelidikan tindakan ini, saya telah memperoleh pengalaman untuk melibatkan diri dalam dunia penyelidikan. Hasil kajian meningkatkan kesedaran saya betapa pentingnya penggunaan sistem ganjaran dalam membantu meningkatkan kawalan tingkah laku dan minat tiga orang peserta kajian terhadap Sains.

Sebelum ini, saya lebih mementingkan penggunaan “hands-on” dalam meningkatkan kawalan tingkah laku dan memupuk minat murid untuk belajar Sains. Namun, lama-kelamaan saya mendapati penggunaan “hands-on” adalah kurang berjaya dalam menangani isu-isu yang timbul ini. Justeru itu, saya mengesan kembali kelemahan penggunaan “hands-on” untuk membolehkan saya memperbaiki amalan pengajaran saya.

Di samping itu, penyelidikan tindakan ini juga mengubah pandangan saya terhadap tugas seseorang guru. Sebelum ini, saya mengingati tugas sebagai seorang guru adalah mengajar sahaja. Namun, saya barulah menyedari bahawa sebagai seorang guru haruslah bertanggungjawab dalam menangani masalah-masalah yang timbul di dalam kelas. Hal ini demikian untuk memastikan perkembangan murid-murid tidak akan terjejas.

Cadangan Tindakan Susulan

Pada kitaran seterusnya, saya ingin menggunakan sistem ganjaran ini di dalam tahun dan kelas yang berlainan seperti Tahun satu, dua, empat, lima dan enam. Di samping itu, sistem ganjaran boleh diaplikasikan dalam mata pelajaran yang lain seperti Matematik, Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris. Tambahan pula, saya ingin memanjangkan tempoh masa penyelidikan saya daripada satu bulan kepada tiga bulan. Dengan ini, saya mempunyai masa yang mencukupi untuk menghasilkan kajian yang lebih berkualiti tinggi.

Rujukan

- Mok, S.S. (2010). *Pengurusan bilik darjah dan tingkah laku*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Omardin. (1999). *Pengajaran kreatif untuk pembelajaran aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Shamsina Shamsuddin. (2011). *Pengantar penyelidikan tindakan dalam penyelidikan pendidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Skinner, B.F. (1958). *Teaching machines*. New York: Appleton Century Crofts.
- Slameto. (2003). *Belajar dan faktor-faktor yang mempengaruhinya*. Jakarta: PT Rineka Cipta.